




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

PERANG IRAN-AMERIKA SYARIKAT-ISRAEL DARI SUDUT PANDANG EKONOMI: APA KESANNYA KEPADA KITA?

Penulis: Dayang Hummida Abang Abdul Rahman dan Siti Faridah Kamaruddin

Mutakhir ini, isu peperangan dan krisis kemanusiaan yang berlaku di Asia Barat semakin membimbangkan dunia. Ini terbukti melalui laporan-laporan media yang melaporkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggalakkan langkah penjimatan serta menasihati kementerian dan agensi supaya tidak mengadakan rumah terbuka Aidilfitri pada tahun ini. Malahan, pekerja sektor awam di negara kita dan negara jiran seperti Vietnam dan Thailand turut mempertimbangkan cadangan pelaksanaan kerja dari rumah. Jika para pembaca budiman berpendapat bahawa kedudukan negara kita, Malaysia, dari segi geografi adalah jauh dari ruang lingkup Asia Barat, ternyata pemikiran seperti itu adalah salah.

Mari kita memahami terlebih dahulu apa yang menjadi pemangkin tercetusnya peperangan tiga negara besar ini. Negara kuasa besar seperti Iran, Amerika Syarikat dan Israel adalah negara-negara yang mempunyai sumber nuklear. Negara-negara lain seperti Rusia, China dan India turut terkait sama dalam isu peperangan ini meskipun mereka bukanlah pencetus utama peperangan. Negara yang mempunyai sumber nuklear ini mempunyai ego mereka yang tersendiri dalam perlumbaan menguasai dunia terutamanya dari segi ekonomi.

Negara Israel sebenarnya tidak wujud kerana menurut sejarah, bangsa Israel ini mencari perlindungan daripada kerajaan Palestin. Walau bagaimanapun, seperti yang disaksikan sendiri pada hari ini, bangsa Israel ini cuba untuk menjadikan negara Palestin sebagai wilayahnya dan usaha mereka telah bermula berabad lamanya. Bangsa Israel cuba menakluk Palestine kerana kedudukan negara ini adalah strategik dengan adanya Laut Merah yang merupakan laluan ekonomi dunia. Misalnya, negara yang dahulunya kaya seperti Palestin merupakan tempat penting untuk bahan-bahan seperti minyak dan gandum untuk berlabuh. Malangnya kepada Palestin, Israel memandang ini sebagai satu peluang untuk merebut kuasa ekonomi dunia dan situasi ini diburukkan lagi dengan sokongan daripada United Kingdom, Eropah dan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat terutamanya mempunyai hubungan rapat dengan Israel disebabkan mereka mengambil ramai pekerja dan keluarga kaya yang berketurunan Israel di Amerika Syarikat seperti keturunan keluarga Rothschild. Malahan, oleh kerana Israel tidak mempunyai negara mereka sendiri dan ramai yang hidup umpama pelarian di Amerika Syarikat dan Eropah, menjadikan Israel digelar sebagai “anak haram” kepada Amerika Syarikat dan United Kingdom. Di sisi lain pula, India turut ingin menjadi sebahagian daripada pakatan Amerika Syarikat dan Israel juga kerana ramai rakyat India bermigrasi dari negara mereka ke Amerika Syarikat dalam membangunkan sistem teknologi maklumat. Secara tidak langsung, India turut terkait dalam pakatan Amerika Syarikat dan Israel.

Hubungan yang dilihat kuat di antara Amerika Syarikat, United Kingdom dan Israel sejak dahulu ditentang hebat oleh China dan Rusia. Sebab utama penentangan terhadap pakatan tiga negara tersebut adalah negara tersebut cuba mengganggu negara-negara di Timur Tengah termasuklah Palestin. Oleh yang demikian, pada tahun 2026, apabila Iran cuba membalas balik perbuatan Israel terhadap Palestin, China dan Rusia memberikan bantuan ketenteraan kepada Iran. Misalnya, sistem drone yang dibangunkan oleh China banyak membantu Iran dalam mengelakkan sasaran bom yang dihantar oleh Israel. Kini, pakatan Amerika Syarikat dan Israel bukanlah pakatan yang paling kuat kerana mereka kini ditentang oleh Pakatan Iran, China dan Rusia. Seharusnya kita berbangga dengan negara yang mempunyai keupayaan ketenteraan yang kuat seperti China dan Rusia mendukung Iran dalam menegakkan keadilan bagi pihak Palestin.

NEWS AND ARTICLES


PERANG IRAN-AMERIKA SYARIKAT-ISRAEL DARI SUDUT PANDANG EKONOMI: APA KESANNYA KEPADA KITA?

Penulis: Dayang Hummida Abang Abdul Rahman dan Siti Faridah Kamaruddin

Apabila Israel menyerang Palestin yang lemah dari segi sistem ketenteraan, Palestin menjadi lumpuh tanpa adanya sistem perang untuk menyerang balas. Berbeza dengan Iran, negaranya sendiri adalah kuat dan mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan dua negara besar yang mempunyai sistem peperangan yang baik seperti China dan Rusia. Namun di hujung kisah pakatan ini, semua perbalahan ini berakar umbi daripada persaingan dalam misi menakluk ekonomi dunia. Kesannya, dunia sedang menyaksikan sebuah peperangan yang hebat di antara Iran-Amerika Syarikat-Israel. Malahan, kesan peperangan ini terhadap ekonomi mungkin sama buruknya seperti dunia dilanda COVID-19 sebelum ini jika peperangan ini semakin berlarutan.

Jadi, di sinilah kesan peperangan yang berfokus kepada ekonomi akan terpalit kepada negara-negara lain terutamanya Malaysia. Ini disebabkan kawasan Timur Tengah merupakan pusat pengeluaran utama gas dan minyak. Minyak adalah bahan tenaga yang penting yang menggerakkan dunia. Namun, sudah tentulah Amerika Syarikat turut ingin campur tangan dalam nikmat yang diberikan Tuhan kepada negara Timur Tengah tersebut dengan membangunkan pangkalan mereka di negara-negara Arab untuk "menguruskan minyak". Iran dengan perancangan strategiknya bertindak menyerang pangkalan Amerika Syarikat yang bertapak di negara-negara Arab serantau seperti Qatar dan Arab Saudi yang melemahkan kuasa dolar Amerika Syarikat. Arab Saudi boleh dianggap sebagai penyokong kuat Amerika Syarikat kerana banyak syarikat-syarikat penting Amerika yang dibuka di negara tersebut.

Oleh sebab itu, Perdana Menteri kita menganjurkan rakyatnya supaya lebih berjimat cermat pada masa akan datang dengan anggaran sehingga bulan Jun 2026 kerana negara kita bergantung tinggi kepada produk-produk dari negara-negara peperangan ini. Selain itu, apabila dolar Amerika Syarikat menjadi lemah, hal ini secara tidak langsung menggoyahkan ekonomi dengan meningkatkan harga minyak dan emas yang merupakan dua sumber penentu pasaran global. Tambahan pula, perairan laut yang berhampiran dengan Iran iaitu Selat Hormuz telah ditutup akibat perang dan eksport minyak turut tergugat. Segala bentuk perniagaan dari negara-negara bergolak turut dibekukan akibat perang. Kesannya, dalam usaha menjimatkan penggunaan minyak, cadangan bekerja dari rumah wajar dipertimbangkan untuk industri-industri yang tidak melibatkan jentera berat dan menguruskan kaunter pelanggan. Bersiap sedialah kita untuk menyaksikan peningkatan harga barangan selepas sambutan Aidilfitri kelak jika peperangan ini masih belum berhenti. Negara-negara besar yang terlibat dalam peperangan mungkin tidak begitu terkesan dari segi ekonomi mereka, tetapi bagaimana pula dengan kita?



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

